

BULAN BAHASA

Kegiatan lebih inklusif dianjurkan melibatkan golongan kurang upaya

► NORHAIZA HASHIM
norhaiza@sph.com.sg

DENDANGAN lagu *Layarkan* yang dinyanyikan Encik Suhaime Roa, seorang penyanyi dan penggubah lagu yang cacat penglihatan itu menyentuh hati hadirin yang hadir dalam acara Semarak Warisan@GRC Nee Soon sempena Bulan Bahasa yang diadakan semalam.

Cik Noor Jannah Jani, seorang pakar bahasa isyarat, pula menunjukkan bahasa isyarat sedang lagu Bulan Bahasa dinyanyikan di atas pentas.

Pelibatan dua individu berbakat itu merupakan satu usaha murni melibatkan golongan kurang upaya dalam menyemarakkan acara Bulan Bahasa tahun ini.

Diadakan di Kelab Masyarakat Nee Soon, acara anjuran lima Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) di bawah GRC Nee Soon turut dihadiri tetamu terhormat, Menteri Ehwal Dalam Negeri merangkap Menteri Undang-Undang yang juga Penasihat Akar Umbi GRC Nee Soon, Encik K. Shanmugam.

Beliau disertai Pengerusi Jawatankuasa Bulan Bahasa dan Anggota Parlimen GRC Jurong, Cik Ra-



WARISAN DILESTARI: Profesor Faishal (*kanan*) sempat menunjukkan aksi silatnya dalam acara Semarak Warisan@GRC Nee Soon yang diadakan sempena Bulan Bahasa semalam. – Foto M.O. SALLEH

hayu Mahzam; Setiausaha Parlimen (Pendidikan merangkap Pembangunan Sosial dan Keluarga) dan Pengerusi Majlis Bahasa Melayu Singapura, Profesor Madya Muhammad Faishal Ibrahim; dan Encik Louis Ng yang keduanya merupakan Anggota Parlimen GRC Nee Soon.

“Kami ingin menjadi inklusif dalam pendekatan kami untuk menyertakan golongan kurang upaya agar dapat meraikan acara-acara bulan bahasa kali

ini,” jelas Profesor Faishal.

Encik Suhaimi, 53 tahun, turut tersentuh kerana pertama kali diundang bagi acara Bulan Bahasa.

Cik Jannah, 28 tahun, terdorong untuk belajar bahasa isyarat daripada seorang guru dan rakan baiknya yang juga cacat pendengaran.

“Saya berharap bahasa isyarat yang digunakan dalam acara ini akan meningkatkan pemahaman dan menarik minat lebih

ramai golongan cacat pendengaran untuk menyertai acara-acara Bulan Bahasa,” kata Cik Jannah.

Cik Rahayu berkata sambutan terhadap kegiatan yang dianjurkan sempena Bulan BA sejauh ini amat baik sejauh ini dengan pelbagai kegiatan diadakan seperti puisi, tari dan lakonan dianjurkan bagi menepati cita rasa masyarakat yang berbeza.

Acara Bulan Bahasa dijalankan sejak 15 Ogos dan akan berjalan hingga 15 Oktober ini.